

MPENA HARI HEPATITIS SEDUNIA SABTU INI

B/H 20/7/12
MSI.

Hati maut



Hati rosak akibat virus Hepatitis C.

» Hepatitis C pembunuh senyap yang tak diendahkan



Dr Rosmawati Mohamed

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bharian.com.my

"Arwah dulu sebelum meninggal dunia, perutnya busung macam orang mengandung sembilan bulan. Keras pula tu, doktor pun tidak tahu dia sakit apa. Tapi aku rasa dia kena buatan oranglah."

Kena buatan orang atau disihir, sering dijadikan konklusi, apabila sesuatu penyakit tidak dapat 'dikesan' oleh

doktor. Sekiranya itu yang anda fikirkan, ia boleh jadi 'YA' kepada penyakit yang tidak mempunyai simptom jelas seperti penyakit Hepatitis C (HCV).

Lebih dikenali sebagai 'pembunuh senyap', kerana HCV merebak secara perlahan-lahan hingga boleh memakan masa sehingga lebih 20 tahun untuk dikesan. Dianggarkan 170 juta orang di seluruh dunia dijangkiti HCV secara kronik, dengan lebih daripada 350,000 dianggarkan mati setiap tahun akibat penyakit hati yang berkaitan dengan HCV. Pada peringkat dunia ia dikesan sejak 1990 tetapi di Malaysia

pada 1993. Kelaziman HCV di negara ini, kira-kira dua peratus dengan 1.49 peratus (53 daripada 3,540 penderma) adalah individu sihat.

Ancaman serius

Pakar Perunding Hepatologi, Profesor Dr Rosmawati Mohamed, berkata walaupun hepatitis lebih lazim berlaku berbanding HIV atau kanser, namun disebabkan 'sifat' HCV itu sendiri, ia juga boleh menjadi punca orang awam kurang memberi perhatian. Ini menjadikan hepatitis salah satu ancaman serius dunia, dan tidak sepatutnya dipandang ringan.

Ramai pesakit tiada simptom

Sesiapa saja yang **menerima darah** atau pemindahan organ di Malaysia sebelum 1994 perlu melalui ujian HCV.

• Dari MS1

"Hepatitis menyebabkan radang hati akibat jangkitan virus. Walaupun ada lima jenis virus penyebab hepatitis (A,B,C,D,E) tetapi tiga yang lazim adalah A,B dan C. Jangkitan menjadi kronik dan akhirnya menyebabkan komplikasi seperti kanser hati dan sirosis," katanya.

Beliau yang juga Ahli Eksekutif Gabungan Membasmi Hepatitis Virus di Asia Pasifik berkata bagi kebanyakan pesakit, simptom tidak muncul dan dikesan dijangkiti apabila penyakit

mencapai peringkat teruk atau tidak ada penawarnya.

Tiada simptom

"Kebanyakan pesakit dijangkiti tidak mempunyai simptom. Keadaan jaundis atau demam kuning, penat, hilang berat badan atau pengumpulan air hanya wujud apabila penyakit hati pada peringkat teruk ketika fungsi hati sudah gagal atau sudah berada pada peringkat kanser hati," katanya.

Statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan, 60 hingga 70 peratus pesakit HCV akan mengalami penyakit hati

yang kronik, manakala 5 hingga 20 peratus mengalami sirosis dan akhirnya, 1 hingga 5 peratus mati akibat sirosis atau kanser hati.

"Ujian HCV dipermudah dengan suatu ujian darah ringkas. Penyaringan mereka yang berisiko penting kerana kebanyakan penghidap HCV tidak sedar penyakit dihidapi dan risiko menjangkiti orang lain.

"Jika hasil ujian didapati positif, eloklah pesakit berjumpa pakar hepatologi atau gastroenterologi untuk menjalani pemeriksaan lanjutan serta rundingan.

Menerusi kemajuan peru-

ini adalah untuk pesakit yang pernah dirawat tetapi tidak sembuh, atau yang belum pernah menerima rawatan sebelum ini.

"Ada enam genotip utama bagi HCV, iaitu genotip 1 hingga 6, dan genotip 1 adalah salah satu genotip yang sukar dirawat. Di Malaysia, dua genotip yang paling lazim ditemui ialah genotip 1 dan genotip 3," katanya.

Victrelis dikelaskan sebagai sejenis ubat antivirus tindak langsung, ubat ini menyerang virus itu sendiri, berbeza dengan rawatan yang sedia ada, yang hanya bertindak men-

8/4
26/7/12
MS 2.

INFO

Kronik Hepatitis C Perlahan dan Tidak Disedari

Radang hati berterusan meningkatkan kerosakan hati

20 - 30 tahun



Normal



Kronik Hepatitis



Sirosis



Peringkat Akhir Jangkitan

batan moden, penilaian lanjutan penyakit ini mudah dilakukan melalui ujian darah yang lebih khusus dan ujian-ujian lain untuk menilai keadaan hati,” katanya. Pakar Hepatologi, Dr Tan Soek Siam berkata Victrelisim (boceprevir) bersama dengan ‘pegylated’ interferon dan ribavirin digunakan untuk merawat jangkitan virus Hepatitis C (HCV) kronik genotip 1.

Vaksin baru

Gabungan ketiga-tiga terapi

kuatkan sistem imun untuk merangsangkan tindak balas yang sesuai untuk mencapai tindak balas virologi kekal (SVR) yang boleh dikatakan sembuh daripada penyakit Hepatitis C.

“Peluang kejayaan membasmi HCV dengan rawatan sedia ada sebelum ini bagi Hepatitis C genotip 1 ialah kira-kira 40 peratus. Dengan penambahan kepada rejimen ini, pesakit boleh mengjangkakan kadar penyembuhan sebanyak dua hingga tiga kali ganda,” katanya.



Kanser

‘Tak sengaja tahu **dijangkiti**’

INFO

☉ Hari Hepatitis Sedunia

pada 28 Julai diisytiharkan oleh WHO ketika Perhimpunan Kesihatan Sedunia yang ke-63 pada tahun 2010. Kempen itu bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai keamatan masalah ini dan berkempen supaya tindakan diambil untuk memperbaiki langkah pencegahan, diagnosis dan rawatan bagi hepatitis B dan juga hepatitis C.

☉ **Diadakan** di pusat beli-belah 1 Utama, semua orang dijemput dan berpeluang melakukan ujian.

☉ **Maklumat kempen** Malaysia dan HCV di www.myhepatitisday.com dan www.worldhepatitisalliance.org

Siapa berisiko?

☉ **Faktor risiko** utama bagi jangkitan HCV adalah melalui

pemindahan darah sebelum tahun 1990an atau darah yang tidak disaring dengan selamat.

☉ **Berkongsi** peralatan kalangan pengguna dadah menyuntik dadah di kalangan pengguna dadah

☉ **Kecederaan** akibat tercucuk jarum terutamanya dalam kalangan kakitangan kesihatan

☉ Bertatu

☉ **Menindik** badan

☉ Walaupun hepatitis **tidak mudah merebak** melalui hubungan kelamin,

perlaukan seksual yang berisiko tinggi, termasuk berbilang pasangan, dikaitkan dengan peningkatan risiko jangkitan HCV.

☉ **Saringan** untuk jangkitan HCV dalam kalangan penderma darah, mengurangkan risiko memperoleh virus daripada darah.

Mary, 40, hanya mengetahui dirinya dijangkiti menerusi pemeriksaan darah yang dilakukan secara tidak sengaja.

“Pada 2001 saya menjalani ujian darah secara suka-suka dalam satu kempen kesihatan. Ujian itu mendapati kelainan enzim. Risau dengan situasi itu menyebabkan saya melakukan ujian lebih mendalam dan doktor dapati saya dijangkiti HCV,” katanya.

Dia mengesyaki jangkitan itu berlaku pada 1991 selepas mendakwa menerima darah akibat denggi. Selepas itu, dia tidak mengalami sebarang perubahan luar biasa melainkan penat tetapi menganggapnya masalah biasa dialami wanita bergelar ibu dan pekerja sepertinya.

“Saya sangat cemas. Sebabnya saya tidak mempunyai

banyak maklumat mengenai HCV. Sejak 2001, saya melalui prosedur rawatan yang panjang dan pelbagai. Malah untuk tiga tahun sebelum ini saya langsung tidak mendapatkan rawatan. Hinggalah Dr Tan menghubungi saya untuk mencuba rawatan baru berkenaan.

“Sejak mencuba Disember lalu, (rawatan memakan masa lapan bulan) saya dapati tubuh saya semakin sihat, sungguhpun rawatan itu memberi kesan rambut gugur serta tidak selera makan,” katanya.

Ingatan Mary, disebabkan HCV tidak mempunyai simptom khusus perlu bagi individu melakukan pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya setahun sekali sebagai langkah pengesanan awal.